



Headline: Rugi RM30,000 ditipu 'polis Johor'
Publication/Portal: Kosmo
Date: 22 April 2019

Language: Malay
Section: Negara
Page: 16

Rugi RM30,000 ditipu 'polis Johor'

BINTULU – Seorang penyelia syarikat di sini kehilangan wang simpanan berjumlah RM29,999 selepas ditipu seorang lelaki yang menyamar sebagai Sarjan Alan Chong Wai Mun pada Jumaat lalu.

Lelaki berusia 43 tahun itu menerima panggilan telefon daripada individu yang mendakwa daripada sebuah bank di Bandar Puteri, Selangor dan memberitahu mangsa ada pihak menggunakan kad kredit Ambank mangsa di Johor Bahru.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Sarawak, Superintendan Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, mangsa seterusnya disambung melalui talian telefon kepada Sarjan Alan yang memintanya membuat laporan polis menerusi telefon bagi memudahkan siasatan.

“Mangsa diminta memindahkan wang berjumlah RM29,999 ke satu akaun bank atas nama individu yang tidak dikenali untuk tujuan siasatan dan diminta mengoyakkan resit bank.

“Mangsa tidak dibenarkan memeriksa akaun banknya sehingga 23 April ini supaya tidak mengganggu siasatan, namun lelaki itu berasa curiga dan membuat semakan sebelum mendapati ia adalah penipuan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu, dalam kes berasingan, Mustafa berkata, seorang jurujual berusia 23 tahun di Miri rugi RM3,350 selepas diperdaya iklan tawaran pinjaman wang tunai melalui Facebook pada 13 April lalu.

“Mangsa menghubungi seorang lelaki mendakwa wakil syarikat pinjaman itu menerusi WhatApps menyatakan minat untuk membuat pinjaman wang berjumlah RM15,000,” katanya.

Suspek kemudian meminta mangsa membuat bayaran proses pinjaman RM3,350 ke dalam akaun yang diberikan berserta gambar Mykad, slip gaji serta akaun RHB Bank menerusi WhatApps.

“Mangsa membuat pembayaran tiga transaksi yang merupakan wang simpanannya dan keluarga sebelum menyedari ditipu seterusnya melaporkan kejadian itu kepada polis. – Bernama